

## PENERAPAN KONSEP MADANI DALAM TATAKELOLA PENGURUSAN WAKAF PENDIDIKAN: KAJIAN DI WAKAF PULAU PINANG

**Mohd Shahid Azim Mohd Saufi<sup>1</sup> \*, Mohamad Muhammin Mohamad Zaki<sup>2</sup>,  
Yusuf Haji-Othman<sup>3</sup>, Jasni Sulong<sup>4</sup>**

*\*1 Pensyarah (Dr.), Kulliyyah Kewangan Islam, Sains Pengurusan dan Hospitaliti,  
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.*

*2 Lulusan Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Islam (Syariah) (Dr), Pusat Pengajian Ilmu  
Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.*

*3 Professor Madya (Dr.), Kulliyyah Kewangan Islam, Sains Pengurusan dan Hospitaliti,  
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah*

*4 Professor Madya (Dr.), Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia.*

### **Abstrak**

Selain ibadah zakat, wakaf juga merupakan instrumen kewangan dalam menjana ekonomi dan syiar Islam termasuklah dalam aspek pendidikan. Pengurusan wakaf yang mempunyai urus tadbir dan tatakelola yang sistematik akan berupaya menghasilkan pulangan yang optimum sekaligus meningkatkan ekonomi umat Islam. Di Malaysia, pengurusan wakaf adalah tertakluk kepada enakmen yang ditetapkan mengikut Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Justeru, sejajar dengan pemerksaan konsep Malaysia Madani yang memetakan strategi tatakelola dan pentadbiran secara berkesan, menekankan kepada pemerksaan ekonomi dan budaya yang berteraskan nilai dan etika, kajian ini akan menelusuri mekanisma pengurusan wakaf pendidikan dan kaitannya dengan konsep madani yang dilaksanakan oleh Wakaf Pulau Pinang (WPP). Selaku institusi yang sah dan diiktiraf sebagai pengendali harta wakaf, kajian ini juga akan mengenalpasti isu-isu terutamanya yang melibatkan perundungan memandangkan terdapat harta wakaf yang digunakan bagi tujuan pendidikan oleh WPP. Metodologi kajian dilakukan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan data melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan yang menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur. Hasil kajian menunjukkan terdapat pelbagai mekanisma dan kaedah yang dilaksanakan oleh WPP bagi memastikan urus tadbir harta wakaf secara telus dan berintergriti.

---

**Kata kunci:** Madani, Wakaf, Tatakelola, Pengurusan, Pendidikan, Pulau Pinang.

## Pengenalan

Peranan wakaf dalam membangunkan pembangunan ekonomi umat Islam merupakan suatu perkara yang telah dibuktikan sejak zaman berzaman. Betapa hebatnya peranan wakaf dalam umat Islam pernah dicatatkan ketika pada zaman Khilafah Uthmaniyyah yang dapat dirumuskan seperti berikut;

“Seseorang dilahirkan dalam rumah yang diwakafkan, tidur dalam buaian yang diwakafkan, membaca buku-buku yang diwakafkan, mengajar dalam sekolah yang diwakafkan, menerima gaji dari pentadbiran wakaf, dan akhirnya apabila ia mati kelak, urusan jenazahnya adalah atas pentadbiran wakaf dan ia dikuburkan dalam tanah perkuburan wakaf” (Razali Othman, 2005)

Perkataan wakaf berasal dari bahasa Arabnya yang disebut *waqf* merupakan kata terbitan yang berasal daripada kata kerja *waqafa*. Secara literalnya, *waqf* menurut pengertian Ibn Manzur bererti berhenti (*al-sakan*), larangan (*al-man’*) dan tertahan (*al-habs*) (Mohd Hussein et al. 2017). Dari segi terminologi (istilah) fiqh pula, wakaf ditakrifkan sebagai “menahan asal iaitu harta wakaf (ain) dan menyalurkan manfaatnya kepada penerima wakaf” (Nazih Hammad 2011).

Jumhur ulama’ bersepakat mentakrifkan istihah wakaf mengikut istilah bahasa dengan *al-habs* yang bererti menahan; kerana perkataan *al-habs* itu lebih sinonim dan tepat dengan pengertian syarak. Hal ini membawa maksud, perkataan ‘ditahan’ membawa erti bahawa sesuatu harta yang diwakafkan (*mawquf*) tidak boleh dilibatkan dalam mana-mana urusan penjualan atau pindah milik seperti dijual, dicagar dan sebagainya.

Ini bermaksud, mana-mana penerima wakaf (*mawquf ‘alayh*) hanya boleh memanfaatkan harta berkenaan tanpa mempunyai hak pemilikan penuh terhadapnya dan hanyalah mempunyai pengurus atau pemegang amanah. Justeru, pemilikan ini hanya boleh dikategorikan di bawah ‘pemilikan tidak sempurna’ (*milk al-naqis*) sekaligus menjadikan harta wakaf diiktiraf sebagai milik Allah atau pada hukum milik Allah dan pewakaf hanya menyedekahkan manfaatnya ke arah kebijakan daripada harta yang telah diwakafkan (Asmak, 2009).

Allah SWT sendiri menyeru manusia agar melakukan amalan kebaikan termasuklah berwakaf. Perkara ini ditegaskan melalui firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 267 yang bermaksud:

Maksudnya: Wahai orang-orang Yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu Yang baik-baik, dan sebahagian dari apa Yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. dan janganlah kamu sengaja memilih Yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamujadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil Yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali Dengan memejamkan mata padanya. dan ketahuilah, Sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.

Malah, amalan berwakaf juga dianjurkan oleh baginda SAW disebutkan dalam beberapa hadith antaranya:

“Apabila mati seseorang manusia, habislah amalnya (tidak bertambah lagi kebaikan amalnya itu) kecuali tiga perkara; sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat, dan anak yang soleh yang mendoakan kedua ibubapanya’

(Riwayat Muslim)

Baginda Nabi Muhammad SAW sendiri menjadi perintis kepada amalan berwakaf dalam kalangan para sahabat apabila baginda SAW membeli sebidang tanah dan mewakafkannya untuk dijadikan masjid dan pusat kegiatan umat Islam iaitu Masjid Nabawi (622M) (Mohd Syakir et al. 2017; Mohd Afendi, 2011). Malah, kegiatan itu diteruskan oleh para sahabat dan khalifah selepasnya dan muncullah pelbagai kegemilangan dalam dunia wakaf seperti Wakaf Ayubites (1171-1249) dan Wakaf Mamalik (1249-1517) di Palestin, Syria, Lubnan dan Mesir yang merupakan contoh wakaf pendidikan yang berjaya (Monzer Kahf, 2003).

Amalan berwakaf juga mendidik manusia agar menginfakkan dan mewakafkan harta kerana ia adalah amalan yang terpuji di samping dapat membantu sesama saudara Islam. Di Malaysia, amalan wakaf turut didefinisikan dalam catatan rasmi Enakmen syariah negeri contohnya yang terdapat dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 yang menyebutkan seperti berikut;

“Menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208)”

Antara bidang yang selalu dipraktikkan amalan berwakaf ini adalah dalam bidang pendidikan (Faishal Muhammad, 2012; Rosidi Hussain, 2023). Sejarah telah membuktikan kegemilangan wakaf melalui bidang pendidikan ini telah wujud sejak kewujudan Tanah Melayu lagi antaranya bermula daripada institusi pendidikan tradisional yang berorientasikan agama seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN), pengajian madrasah, dan pondok-pondok pengajian yang menjadi hub pengajian secara traditional (Asmak, 2009; Amerudin Ismail, 2013). Justeru itu, melalui hujah-hujah dan dalil mengenai kepentingan amalan berwakaf melalui elemen pendidikan, maka antara mekanisme atau instrumen kewangan yang bersifat utama dan kukuh boleh diketengahkan pada masa kini adalah melalui wakaf pendidikan. Sudah pasti, penjanaan instrumen wakaf sebagai dana alternatif dapat dimanfaatkan secara semaksimum mungkin agar ianya dapat dirasai oleh masyarakat Muslim di Pulau Pinang khasnya dan Malaysia amnya. Artikel ini akan meneliti bagaimana penerapan konsep madani yang menjadi tunjang kepada gagasan semasa kerajaan dalam tatakelola pengurusan wakaf pendidikan di Pulau Pinang.

## Latar Belakang Wakaf Pulau Pinang

Wakaf Pulau Pinang (WPP) merupakan sebuah agensi dan anak syarikat yang didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP). Walaupun sudah terdapat agensi yang bertanggungjawab menguruskan harta wakaf di bawah MAINPP iaitu Unit Pengurusan Dana Wakaf yang melaksanakan pemegang amanah bagi harta-harta wakaf namun bagi WPP pula bertindak dengan lebih komprehensif iaitu bukan sahaja menguruskan harta-harta wakaf,

namun juga bertindak menguruskan pelaburan bagi menjana pulangan yang besar buat ummah dari segi ekonomi khususnya di negeri Pulau Pinang. Tuntasnya, bidang kuasa antara WPP dan Wakaf MAINPP iaitu wakaf MAINPP adalah berdasarkan *social obligation* manakala WPP adalah *comersial obligation* (Rosidi Hussain, 2023).

Idea penubuhan WPP terhasil dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP). Bil. 2/ 2015 bertarikh 7 April 2015 yang telah bersetuju menubuhkan sebuah syarikat di bawah milik MAINPP berkuat kuasa pada 1April 2018. (Wakaf Pulau Pinang, 2023). Bermula dengan hanya sebelas orang staf sahaja sejak awal penubuhannya, dan mempunyai tiga bahagian utama iaitu sumber manusia & kewangan, pembangunan, serta yang terakhir adalah bahagian pemasaran. (Rosidi Hussain, 2023). Kini WPP terus mengorak langkah dengan terdapatnya lima bahagian iaitu Bahagian Kewangan dan Akaun, Bahagian Pemasaran dan Komunikasi Strategik, Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan Hartanah dan Bahagian Penyelidikan dan Kelestarian Sosial (Wakaf Pulau Pinang, 2023). Bukan itu sahaja, WPP juga telah mempunyai pejabat yang terletak di No.2 dan 4, Kampung Kaka, 1020 Geogertown, Pulang Pinang.



Rajah 1: Logo Wakaf Pulau Pinang.

Dengan visi membangunkan sebuah organisasi pengurusan wakaf terunggul dalam menuaikan ummah melalui instrumen wakaf dan misi mengurus harta wakaf dengan efisin melalui urus tadbir koprat yang berintergriti bagi menjana pendapatan secara komersial demi masa depan ummah. Malah, melalui moto WPP iaitu menjana ekonomi ummah, terdapat peranan dan tanggungjawab utama WPP. Pertama, menjalankan pembangunan dan pengurusan harta wakaf sama ada harta alih atau harta tidak alih dan harta yang diserahkan oleh MAINPP termasuk menjalankan pelaburan, penyelidikan dan penguatkuasaan terhadap setiap harta tersebut. Kedua, menjalankan kempen dan promosi besar-besaran bagi menambahkan dana wakaf tunai MAINPP dan apa juga bentuk wakaf yang lain. Seterusnya yang terakhir, melaksanakan setiap polisi MAINPP berkaitan pengurusan wakaf dan hartanah serta mencadangkan polisi dan inovasi baharu yang berkaitan dengan pembangunan harta wakaf. (Wakaf Pulau Pinang, 2023: 19; Rosidi Hussain, 2023).

Bagi memperkuatkan organisasi WPP, terdapat Lembaga Pengarah Hal Ehwal Korporat yang dipengerusikan oleh Setiausaha MAINPP dan empat orang ahli jawatankuasa yang berlatar belakang profesional serta arif dalam bidang pengurusan wakaf. Selain itu juga, bagi memperkasa Wakaf Pengajian Tinggi Universiti Sains Malaysia, terdapat jawatankuasa khas yang

dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif WPP sendiri serta beberapa ahli jawatankuasa yang lain. (Wakaf Pulau Pinang, 2023: 23).

Oleh kerana kebanyakkan harta tanah di Pulau Pinang adalah bernilai tinggi, WPP amat komited menguruskan pembangunan ke atas harta-harta wakaf tersebut dengan sebaiknya seperti di Bayan Lepas, Kuala Mengkuang, Wakaf Seetee Aisah di Seberang Jaya, Pangsapuri Wakaf An-Nur di Teluk Air Tawar dan lain-lain lagi. Selain itu juga, WPP juga menjalankan wakaf tunai bagi menjana ekonomi umat Islam di Pulau Pinang. Sejak dilancarkan pada tahun 2022, WPP telah memperoleh sebanyak RM 400,000.00 dan menyasarkan kutipan sebanyak RM 700,000.00 pada tahun 2023. Selain itu juga, WPP juga menguruskan sewaan terhadap sewaan menara telekomunikasi di tapak tanah dan bangunan milik MAINPP seperti masjid dan surau yang terpilih dan jumlah yang diperolehi adalah sebanyak RM 744,000.00 pada tahun 2022 (Wakaf Pulau Pinang, 2023: 43).

Bagi memantapkan lagi pemasaran wakaf terutamanya wakaf tunai dan koprat, WPP telah memperuntukkan sebanyak RM 270,000.00 bagi tujuan pemasaran digital dan menyasarkan kutipan wakaf sebanyak hampir 3 juta ringgit. Hal ini kerana, sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab memegang amanah harta wakaf di Pulau Pinang, WPP harus memanfaatkan dengan seoptimum mungkin medium-medium pemasaran digital menggunakan media sosial seperti *Facebook* dan lain-lain agar sebaran untuk mengajak umat Islam berwakaf lebih mudah di hujung jari sahaja. (Rosidi Hussain, 2023).

## **Citra dan Aplikasi Konsep Malaysia Madani dalam Aspek Pengurusan Wakaf Pendidikan**

Malaysia Madani merupakan suatu gagasan kebangsaan yang diasaskan oleh Perdana Menteri Kesepuluh, Datuk Seri Anwar bin Ibrahim. Kerangka utama dalam pembentukan MADANI adalah berteraskan kepada nilai-nilai utama iaitu keMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta atau inovasi, hormAt, keyakinan dan Ihsan. Kesemua ini merupakan rangkuman intisari MADANI yang bermatlamatlah kejayaan dari setiap istilah yang telah dikemukakan (Anwar Ibrahim, 2002) seperti yang terdapat dalam Rajah 2 seperti berikut:



**Rajah 2:** Dasar Rukun Madani (Anwar Ibrahim, 2002)

Melalui enam rukun MADANI yang telah digagaskan, kesemuanya ini sebenarnya berkait rapat kepada pengurusan dan tatakelola wakaf pendidikan yang komprehensif dan berdaya saing.

Misalnya, jika takrifan kepada kemampunan yang merujuk kepada keperluan untuk membangunkan dasar dan model yang sesuai untuk kelangsungan hidup manusia (Anwar Ibrahim, 2002: 41), wahaha wakaf pastinya berkait rapat bagi memberikan impak positif terhadap kesejahteraan manusia menerusi pendidikan.

Pendekatan konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan satu pembentukan strategi pengurusan dan pentadbiran negara secara berkesan, menekankan kepada pemerkasaan ekonomi dan budaya, yang berteraskan nilai, etika atau akhlak serta nilai kemanusiaan (Norazlinda Mohammad, 2023).

Malah istilah Madani yang sememangnya sudah sekian lama dipopularkan dan diungkap beliau suatu ketika dahulu yang memberi keutamaan kepada soal keyakinan dan kemanusiaan. Tatkala negara dipacu untuk maju dan kadang kala tercemar kerana salah laku serta rasuah dan salah guna kuasa selain keruntuhan nilai manusawi. Oleh itu, kepimpinan Perdana Menteri pada ketika ini ingin menyuntik kesedaran dalam kalangan semua pihak untuk menghidupkan semula kekuatan leluhur bangsa dengan nilai murni yang harus dikembangkan semula. Membangun Malaysia Madani menepati elemen keterangkuman bagi membina masyarakat bertamadun, bukan sahaja dari aspek fizikal, malah melahirkan modal insan yang cemerlang spiritual.

Ini kerana konsep Madani menitik beratkan kepada masyarakat yang diurus dengan baik dan mencapai tujuan pembinaan beradaban bangsa. Gagasan Madani bersifat menyeluruh berdasarkan enam tonggak utamanya iaitu M (kemampunan), A (kesejahteraan), D (Daya cipta), A (hormat), N (keyakinan) dan I (Ihsan). Madani juga berkait dengan dua konsep utama di dalamnya iaitu ketelusan dan kerjasama. Ketelusan penting sebab ia menyentuh soal tadbir urus yang baik dan integriti. (Utusan Malaysia, 2023)

Menurut WPP, tatakelola dan pengurusan yang telus amat memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf. Misalnya, matlamat dan hala tuju yang digagaskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif di sesebuah institusi wakaf amatlah mustahak untuk diperlihatkan terutamanya apabila membuat jaringan strategik bersama badan-badan kewangan korporat. Justeru, tatakelola pengurusan wakaf pendidikan di WPP yang menerapkan konsep serta rukun MADANI merupakan suatu pendekatan bagi memastikan tadbir urus yang berkesan dan mempunyai intergriti yang tinggi kerana ianya berkait rapat dengan amanah yang besar iaitu harta wakaf umat Islam di negeri Pulau Pinang. Selain itu, pengurusan kewangan institusi pengurusan harta wakaf yang mengikut etika pemerintahan Islam serta bertamadun dan mempunyai tadbir urus dan tata kelola yang baik (Rosidi Hussain, 2023). Malah, antara tujuan utama wakaf pendidikan ialah mewujudkan usaha yang berterusan bagi menjayakan sesuatu perkara yang dapat membawa manfaat kepada masyarakat tanpa mengharapkan semata-mata peruntukan daripada pihak kerajaan (Raja Nor Ashikin & Nor 'Adha 2014).

Dengan peningkatan kos sara hidup dan kos pengajian di negara pada ketika ini (Mohamad Muhammin Mohamad Zaki, 2023: 16-19), sudah semestinya instrumen wakaf dapat membantu

dalam proses menyampaikan risalah ilmu kepada masyarakat terutamanya dalam penyediaan infrastruktur dan kemudahan yang selesa bagi pembangunan institusi pendidikan. Oleh itu, pengurusan urus tadbir yang telus dan beramanah amatlah dititik beratkan dalam pengurusan institusi wakaf agar manfaat yang diperolehi dapat digunakan dengan sebaik mungkin terhadap golongan sasar. (Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda, 2014).

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, amalan pengurusan di WPP amat menepati kesemua rukun yang terdapat dalam pembentukan MADANI seperti pengurusan urus tadbir yang telus dan berhemah bagi memberi keyakinan kepada para pemegang taruh dan masyarakat agar mereka berasa yakin apabila berwakaf dengan WPP.

### **Pelaksanaan Pengurusan Wakaf di Malaysia**

Aplikasi wakaf di dalam dunia Islam merupakan perkara yang sangat relevan dari segenap sudut kerana konsep ini turut ditiru oleh pihak barat dan konsep ini di jenamakan ke dalam bentuk penubuhan *trust, endowment*. Atau berkonsepkan yayasan. Antara IPT yang diasaskan berdasarkan endowmen adalah seperti universiti Oxford dan universiti Cambridge di Britain, universiti Harvard dan universiti Standford di Amerika Syarikat. Universiti Harvard merupakan contoh universiti terkaya dan memiliki aset endowmen sebanyak melebihi US\$30 billion (Hisham, Nawi, & Ismail, 2018).

Konsep yang dikenali sebagai endowmen ini merupakan asas kepada kemajuan barat khususnya dalam bidang pengajian tinggi dan perubatan. “*Philanthropic Wakaf* merupakan sumber dana untuk membantu golongan fakir miskin serta menjaga kemaslahatan umum seperti menyediakan kemudahan awam, kesihatan, pendidikan, kajian saintifik dan perpustakaan. Kaedah ini berperanan dan mempunyai keupayaan dalam membiayai program pendidikan (Hasan & Abdullah, 2008)

Selain itu, terdapat kajian yang terdahulu menyatakan bahawa pembentukan pengajian tinggi melalui instrumen wakaf berupaya mengurangkan bilangan bakal pelajar yang tidak dapat menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi terutamnya dikalangan masyarakat melayu Islam (Hasan & Abdullah, 2008). Tambahan lagi, terdapat empat faktor yang menentukan kejayaan pelaksanaan wakaf pembangunan pengajian tinggi seperti kesedaran masyarakat, keadaan demografi, iaitu penduduk Islam yang tinggi, ekonomi Islam yang stabil serta tadbir urus yang profesional dan cekap (Arisah, Badari, & Hashim, 2016).

Antara institusi pengajian tinggi yang memperkenalkan skim wakaf di Malaysia iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1999, seterusnya konsep wakaf ini ditukar kepada istilah *endowment fund* kerana terdapat sedikit masalah teknikal berkaitan peruntukan enakmen negeri yang menetapkan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang berperanan sebagai pemegang tunggal amanah wakaf. Skim *endowment fund* ini diperkenalkan bagi mengumpul dana wakaf bagi tujuan pendidikan dan penyelidikan, bantuan pendidikan dan menyediakan biasiswa, membangunkan aktiviti penerbitan dan penyelidikan, merealisasikan niat asal orang yang memberikan wakaf dan melabur dalam sektor yang patuh syariah. .*International Islamic*

*University of Malaysia's Wakaf Fund (IEF)* adalah jabatan bertanggungjawab di bawah Pejabat Rektor UIAM yang berperanan menguruskan dana wakaf ini. (Najibah Mustaffa, 2014)

Pembangunan bagi mengembangkan wakaf pengajian tinggi ini bukan sahaja dikhatusukan kepada pengajian yang berkaitan hal ehwal pengajian Islam semata-mata, malahan ianya perlu memenuhi pelbagai disiplin ilmu samada bidang profesional dan lain-lain lagi. Penubuhan wakaf pengajian tinggi seperti pengkhususkan dalam bidang perubatan yang bertujuan untuk pembiayaan pelajar secara tidak langsung mewujudkan satu konsep wakaf perubatan untuk mereka yang tidak berkemampuan seperti pembiayaan pesakit adalah perlu membantu untuk menyelesaikan pelbagai masalah pesakit kronik yang mana memerlukan dana segera bagi tujuan pengubatan (Noordin, Haron, & Kassim, 2017).

Dalam membangunkan serta merancakkan wakaf pengajian tinggi, penglibatan syarikat korporat tidak boleh di pandang ringan kerana peranannya boleh dilakukan dengan melakukan kolaborasi dengan syarikat-syarikat korporat seperti Johor Corporation Berhad (JCorp) menerusi Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) yang telah menjalankan pelbagai projek yang bertujuan untuk meningkatkan nilai harta wakaf dan daripada pulangan wakaf tersebut digunakan antaranya bagi tujuan pendidikan dan pembangunan modal insan (Abdul Rashid, Nur Farah Naadia Mohd Fauzi, Fariyah Hasan, & Fairullazi Ayob, 2019).

Selain daripada menguruskan dua bua sekolah agama di Johor, Wakaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) juga telah memberikan pelbagai sumbangan khusunya buat umat Islam di negeri itu dalam bidang pendidikan antaranya dengan menyalurkan bantuan kewangan kepada Institut Pengajian Islam dan Bahasa Arab Negeri Johor (MARSAH), tabung pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Sekolah Rendah Agama Bersepadu Negeri Johor (SRAB), sumbangan pendidikan bagi pelajar yang melanjutkan pengajian di peringkat ijazah dalam dan luar negara serta membiayai kos percetakan al-Quran braille kepada mereka yang cacat penglihatan bagi membaca al-Qur'an. (Abd. Shakor & Siti Mashitoh 2013).

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) yang ditubuhkan pada tahun 2011 yang merupakan anak syariaikat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) juga memberikan manfaat besar dalam sektor wakaf di Negeri Selangor. Oleh kerana nilai harta tanah yang begitu besar di Negeri Selangor, manfaat daripada dana tunai yang telah diamanahkan kepada pihak PWS digunakan sebaik mungkin bagi membangunkan tanah-tanah wakaf di negeri Selangor seterusnya memberikan pulangan yang besar terhadap penjanaan dana wakaf di negeri tersebut. (Norizan Hassan et al. 2013).

Oleh yang demikian, konsep wakaf yang diamalkan oleh umat Islam khususnya atau definisi nama lain seperti "*endowment*", telah wujud pada masa Nabi Muhammad SAW. Menurut Fuadi (2018) mengatakan bahawa wakaf merupakan kaedah yang paling ampuh dalam mendepani susasana ekonomi pada hari ini dan secara tidak langsung menyokong pembinaan dan perkembangan institusi pendidikan dalam dunia Islam. Konsep yang diamalkan didalam Univeristi Al Azhar merupakan satu contoh yang terbaik kerana wakaf berperanan dalam dunia

pengajian tinggi dan sekali gus merupakan contoh IPT yang paling berjaya di dunia. Pembangunan universiti Al Azhar pada peringkat awal dibiayai dan diasaskan serta ditadbir melalui dana wakaf. Menariknya selama lebih 800 tahun Universiti Al Azhar ini boleh dengan pembiayaan melalui dana wakaf. (Sulaiman & Hasan, 2017)

### **Isu dan Cabaran Pelaksanaan Wakaf di Pulau Pinang**

Setiap pengendali institusi wakaf pastinya tidak dapat lari daripada cabaran dan halangan sewaktu menguruskan harta wakaf (Ahmad Zaki Latif et.al, 2005). Kefahaman didalam berwakaf merupakan faktor yang penting bagi memberikan pengetahuan dan ilmu tentang pentingnya peranan wakaf. Manfaat wakaf ini bukan sahaja dapat diberikan kepada individu serta masyarakat, bahkan ianya dapat meningkatkan impak kepada pendidikan itu sendiri. Sistem wakaf dalam sektor pendidikan sudah lama dilaksanakan bagi pembinaan sekola-sekolah pondok pada suatu masa dahulu. Pendedahan kepada masyarakat Islam pada suatu ketika dahulu khususnya telah didedahkan bagi tujuan pembinaan sekolah-sekolah pondok ataupun sekolah agama rakyat (Ahmad Zaki Abd. Latiff, 2008).

Malah, pihak pengurusan harta wakaf pastinya juga tidak terlepas daripada cabaran-cabaran tertentu bagi menguruskan harta wakaf terutamanya yang bernilai tinggi seperti harta tanah, bangunan dan kewangan. Terutamanya di Pulau Pinang yang mempunyai nilai harta tanah yang mahal dan sentiasa meningkat dari semasa ke semasa (Rosidi Hussain, 2023).

Di Pulau Pinang, sebanyak 1,253.64 ekar tanah wakaf telah didaftarkan dalam inventori tanah-tanah wakaf Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP). Berdasarkan kepada jumlah harta tanah yang telah direkodkan tersebut, MAINPP melalui WPP telah mengenalpasti tanah-tanah yang berpotensi untuk dimajukan dan seterusnya mencari sumber kewangan bagi membiayai projek-projek pembangunan tanah-tanah wakaf tersebut dengan pelbagai pihak berkepentingan. (Fakhruddin Abdul Rahman dan Mohamad Salleh Abdullah, 2008; Rosidi Hussain, 2023). Hasil dari manfaat pelaburan yang dijalankan seterusnya akan dapat memberikan pulangan untuk menguruskan program-program wakaf terutamanya wakaf pendidikan.

Pihak WPP juga telah mewujudkan beberapa kolaborasi wakaf pendidikan dengan pelbagai institusi pendidikan di negeri Pulau Pinang antaranya Wakaf Pengajian KITAB, Wakaf Pengajian Tinggi Universiti Sains Malaysia (USM), Wakaf Al-Mahshoor, Wakaf Masriah di Bukit Mertajam dan beberapa lagi institusi pendidikan di negeri ini. Hasil daripada pelaburan terhadap penjanaan dana wakaf ini, bukan sahaja memberikan manfaat terhadap pihak institusi pendidikan tersebut dalam bentuk keuntungan dari sumber kewangan, malah juga mendatangkan manfaat terhadap dana wakaf di Pulau Pinang itu sendiri.

Mengambil contoh, tanah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri melalui Penang Development Corporation (PDC) telah diuruskan mengaplikasikan *wakaf irsod* untuk pembinaan sebuah kampus tetap Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) di Batu Kawan, Pulau Pinang. Selain itu juga, perancangan projek pembangunan dan perumahan wakaf berskala besar yang melibatkan harta wakaf milik beberapa institusi pendidikan seperti Al-Masriah dan Al Mahsoor

akan membawa manfaat kepada pihak sekolah itu sendiri hasil daripada keuntungan sewaan yang diperolehi. Misalnya, wakaf masriah yang dibangunkan projek perumahan dan lot komersial di atas tanah berkeluasan 10 ekar. Hasil keuntungan daripada pembangunan ini akan turut sama dinikmati oleh pihak sekolah. (Rosidi Hussain, 2023).

Selain daripada peruntukan daripada pihak institusi wakaf, pihak universiti perlu menggunakan kaedah yang tersendiri dalam memperluaskan serta membangunkan produk wakaf untuk tujuan pendidikan tinggi dengan mempelbagaikan medium sedia ada seperti e-mel, khutbah jumaat, portal UPM dan lain-lain lagi. Melihat kepada wujudnya produk pemasaran dalam memasarkan wakaf pendidikan, penulis yakin potensi wakaf ini boleh dikembangkan dan dipertingkatkan masyarakat berwakaf untuk tujuan pendidikan tinggi. Antaranya termasuklah di peringkat MAIN yang kebanyakannya masih lagi belum mempromosikan produk yang khusus tentang wakaf dalam sektor pendidikan ini kerana ada di antara MAIN yang masih belum mempunyai produk yang tersendiri. (Ahmad Shaifful Anuar, 2015).



Rajah 3: Isu-isu Pengurusan di Wakaf Pulau Pinang

Berdasarkan kepada rajah 3 di atas, isu-isu pengurusan wakaf yang berkesan meliputi tiga perkara yang utama iaitu imej dan hala tuju, tatakelola pengurusan dan perundangan. Elemen yang pertama memfokuskan peranan badan yang menguruskan wakaf di Pulau Pinang perlu mempunyai gambaran imej dan hala tuju yang meyakinkan. Elemen yang dinyatakan ini selari dengan konsep MADANI yang diperkenalkan.

Berdasarkan kepada maklumat temu bual yang dijalankan, responden telah memberikan pandangan bahawa dalam mendepani cabaran yang ada dalam pengurusan wakaf di Pulau Pinang, elemen meningkatkan keyakinan kepada institusi lain untuk berkolaborasi dengan sesebuah institusi pendidikan adalah sangat penting kerana imej Wakaf Pulau Pinang (WPP) sebagai salah sebuah institusi berkaitan agama Islam kadangkala dipandang rendah oleh

segelintir organisasi korporat di negara ini. Kebanyakkan organisasi ini akan melihat beberapa aspek sebelum melakukan kerjasama antaranya:

1. Kelayakan dan visi ketua organisasi dalam merancangkan dan merangka matlamat pembangunan wakaf
2. Terdapat insentif yang menarik untuk berkolaborasi dan memberikan bantuan terutamanya dengan syarikat yang besar
3. Kaedah komunikasi untuk meyakinkan prospek.
4. Pemikiran yang kreatif dan mempunyai idea untuk inovasi pembangunan berdasarkan wakaf.

Bagi meningkatkan lagi kesedaran berwakaf dalam kalangan masyarakat muslim khususnya di Pulau Pinang, WPP telah mengorak langkah dengan mempelbagaikan kaedah promosi dan pemasaran serta mendekati segenap penjuru setiap prospek yang berpotensi untuk menyalurkan dana wakaf kepada pihak WPP untuk dimanfaatkan sebaik mungkin.

Di Pulau Pinang, wakaf pendidikan itu sendiri di definisikan sebagai wakaf yang terlibat dengan elemen pendidikan seperti institusi pendidikan, masjid surau dan pusat pengajian. Terdapat beberapa wakaf pendidikan yang terdapat di WPP antaranya Wakaf Pengajian Tinggi KITAB, Wakaf Pengajian Tinggi Universiti Sains Malaysia, Wakaf Al- Mahshoor, Wakaf Masriah dan Wakaf Al-Irsyad. Bagi Wakaf Pengajian Tinggi di dua IPTA/S ini, bentuk wakaf yang diberikan adalah bagi penyediaan tanah dan bantuan sokongan pengajian manakala bagi wakaf sekolah pula, tanah-tanah wakaf yang dimiliki oleh pihak sekolah akan dibangunkan dan hasil daripada pembangunan yang dilakukan akan diterima oleh pihak sekolah. Bagi wakaf USM juga, terdapat beberapa bentuk saluran bantuan wakaf yang diberikan seperti kitab-kitab dan pembangunan surau di dalam kawasan kampus. (Rosidi Hussain, 2023).

Bagi faktor yang seterusnya, tatakelola pengurusan yang baik mampu untuk memberikan kelebihan kepada pengurusan wakaf di Pulau Pinang untuk berjaya. Berdasarkan temu bual yang diperolehi, kejayaan Wakaf Pulau Pinang pada hari ini adalah berteraskan kepada kerjasama yang jitu oleh pengurusan tertinggi dan staf dengan membentuk satu pasukan yang mempunyai

kemahiran berdasarkan latar belakang kepakaran masing-masing. Sekiranya terdapat sebarang permasalahan dari sudut perundangan, maka rujukan kepada pihak peguam akan diguna pakai bagi menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan.

Di peringkat WPP, terdapat usaha bagi mewujudkan Penasihat dan Pegawai Undang-Undang agar segala permasalahan mengenai aaspek perundangan dapat diselesaikan dengan sistematik dan profesional. Hal ini penting kerana aspek perundangan merupakan antara masalah dan isu yang terbesar terutamanya harta-harta wakaf yang tidak mempunyai rekod bertulis dan hanya mempunyai arahan lisan sejak zaman berzaman daripada sumber ahli keluarga. Selain itu juga, terdapat usaha bagi melaksanakan Enakmen Wakaf dengan kerjasama Pejabat Penasihat Undang-Undang MAINPP dan juga BOD MAINPP dan AJK Fatwa Negeri di bawah Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (Rosidi Hussain, 2023).

Bagi memastikan sumber dana dan aset sedia ada sentiasa meningkat, pengurusan wakaf Pulau Pinang menetapkan sasaran sebanyak RM3.4 juta setahun. Sasaran yang diletakkan ini adalah bersesuaian dengan perancangan iaitu pembinaan hotel yang berteraskan wakaf, membangunkan konsep perumahan wakaf '*rent to own*' dengan kerjasama beberapa buah bank kepada mereka yang memerlukan. Selain itu Wakaf Pulau Pinang sendiri berhasrat untuk menjadi pemaju kepada setiap projek yang akan dibangunkan bagi memastikan kualiti pembinaan sesuatu projek itu terpelihara.

Sekiranya mempunyai isu-isu berbangkit mengenai pengursuran harta wakaf, terdapat beberapa kaedah yang diaplikasikan oleh WPP seperti berikut;

1. Sekiranya isu yang berbangkit itu hanya perlu dibincangkan secara dalaman, maka akan dilakukan secara dalaman tanpa melibatkan BOD MAINPP
2. Pihak tertinggi harus bekerjasama dengan staf sebagai satu pasukan dan bersama-sama menyelesaikan masalah yang timbul
3. Mendapatkan nasihat dan pandangan pihak berkepentingan seperti peguam sekiranya berlaku sesuatu masalah/ isu.

Malah, pihak WPP sentiasa menerima cadangan, teguran, sumbang saran dan pelbagai idea melalui diskusi, meja bulat dan muzakarah yang dianjurkan oleh pihak WPP dengan pelbagai pihak dan organisasi yang berkepentingan. Terkini, pihak WPP telah menganjurkan Persidangan Wakaf Madani bertempat di Bertam Resort, Kepala Batas Pulau Pinang bagi mengumpul cadangan dan buah fikiran daripada tokoh-tokoh ilmuan seluruh negara khususnya mereka yang berkepakan dalam bidang wakaf agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh WPP dan pengurusan institusi wakaf di negeri-negeri lain di negara ini (Wakaf Pulau Pinang, 2023).

WPP sendiri mempunyai beberapa cadangan jangka masa pendek dan panjang dalam pengurusan wakaf di negeri Pulau Pinang. Antara perancangan jangka masa pendek adalah membangunkan konsep perumahan wakaf berkonseptan '*rent to own*' dengan kerjasama beberapa buah bank terkemuka di Malaysia kepada mereka yang memerlukan. Bagi perancangan jangka masa panjang pula, WPP sendiri berazam akan menjadi pemaju kepada setiap projek pembangunan wakaf. Mengambil pengajaran projek terdahulu yang dijalankan oleh pemaju, namun kualitinya amat menyedihkan. Seterusnya, memperkasa pengurusan aset yang lebih cemerlang dan yang terakhir menyasarkan sasaran kutipan wakaf tunai sebanyak 30 juta setahun, mengambil inspirasi wakaf UNIMAS Sarawak yang berjaya memperoleh kutipan wakaf sebanyak 11 juta. (Rosidi Hussain, 2023).

### **Kesimpulan**

Tatakelola yang diterapkan dalam konsep MADANI merupakan satu menifestasi kerajaan pada hari ini dalam memastikan pengurusan dana wakaf yang telus dan berintegriti serta mematuhi akauntabiliti oleh semua pihak yang terlibat dalam memastikan urus tadbir wakaf yang efisyen dalam meningkatkan keyakinan dan kepercayaan yang telah diberikan oleh masyarakat di Malaysia dengan tujuan amalan berwakaf ini dapat diadaptasikan sebagai satu budaya yang positif. Jika diperhatikan dari sudut perbincangan dalam bidang muamalat, wakaf merupakan salah satu bidang yang terbuka luas bagi membincangkan perkara-perkara ijтиhad selaras dengan ciri-ciri *murunah (fleksibiliti)* dari sudut perundungan Islam terutamanya dalam aspek kemaslahatan ummah terutamanya dalam aspek wakaf pendidikan.

Transformasi besar-besaran adalah perlu bagi direalisasikan oleh semua pihak yang memainkan peranan wakaf di Malaysia ke arah merevolusikan institusi wakaf kaedah untuk mempromosikan

perkembangan dan kemajuan sosio ekonomi ummah dengan objektif untuk mengurangkan kadar kemiskinan serta yang dialami oleh sebahagian besar umat Islam di Malaysia dan di seluruh dunia.

## RUJUKAN

- Abdul Rashid, K., Nur Farah Naadia Mohd Fauzi, P., Fariyah Hasan, S., & Fairullazi Ayob, M. (2019). Empowering Wakaf and Zakat in the Provision of Affordable Housing through Collaborative Procurement. *MATEC Web of Conferences*, 266, 3015. <https://doi.org/10.1051/matecconf/201926603015>
- Arisah, F. M., Badari, S. A. Z., & Hashim, A. H. (2016). Amalan Pembelian Secara Atas Talian dan Faktor-Faktor Mempengaruhi. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*, 1(3), 111–123.
- Fuadi, N. F. Z. (2018). Wakaf sebagai Instrumen Ekonomi Pembangunan Islam. *Economica: Jurnal Ekonomi Islam*, 9(1). <https://doi.org/10.21580/economica.2018.9.1.2711>
- Hasan, Z., & Abdullah, M. N. (2008). The Investment of Waqf Land as An Instrument of Muslims' Economic Development in Malaysia. The Dubai International Conference on Endowments' Investment, 4-6th February 2008, 1–25.
- Hisham, N., Nawi, M., & Ismail, M. (2018). Philosophy Of Higher Education Waqf: A Review Falsafah Wakaf Pendidikan Tinggi; Satu Semakan Semula. *JOURNAL OF TECHNO SOCIAL*, 10(2), 42–049. <https://doi.org/10.30880/jts.2018.10.02.007>
- Najibah Mustaffa, M. Z. M. (2014). Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *International Journal of Islamic and Civilization Studies*, 21(2), 45–57. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Noordin, N. H., Haron, S. N., & Kassim, S. (2017). Developing a comprehensive performance measurement system for waqf institutions. *International Journal of Social Economics*, 44(7), 921–936. <https://doi.org/10.1108/IJSE-09-2015-0257>
- Sulaiman, S., & Hasan, A. (2017). Strategi Pembangunan Dan Pelaburan Wakaf Secara Lestari Menurut Perspektif Syariah. *Jurnal Syariah*, 24(2), 237–270. <https://doi.org/10.22452/js.vol24no2.3>
- Nazih, H. 2011. *Mu'jam al-mustalahat al-maliyyah wa al-iqtisadiyyah fi lughah al-fuqaha'*. Damsyik: Dar Al-Kalam.
- Mohd Huefiros Efizi Husain, Mohd Nasir Abd Majid & Muneer Ali Abdul Rab. 2017. Anjakan paradigma waqaf berdasarkan prinsip maslahah al-mursalah. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 4(3-1): 1-10.
- Mohd Syakir Mohd Taib, Wan Kamal Mujani, Noor Inayah Yaakub & Mohamad Khairul Izwan Rifin. 2017. Wakaf pendidikan di Malaysia: Suatu pengenalan. *Proceedings of the*

International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017, hlm. 389-395.

Asmak Ab. Rahman (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah* Vol. 17, Bil. 1.

Mohd Afendi Mat Rani (2011). Waqaf Pendidikan: Pengalaman di Pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo Indonesia. Dlm. Isu-Isu Semasa Mengenai Waqaf, Baharuddin Sayin (Penyunting), Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam Selangor

Monzer Kahf (2003). The Role of Waqf in Improving the Ummah Welfare, Kertas kerja dibentangkan dalam International Seminar on "Waqf as a Private Legal Body", Universiti Utara Sumatera, Indonesia.

Amerudin Ismail. (2013). Konsep dan pengurusan wakaf pendidikan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.

Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki. (2023). Instrumen Zakat Menjana Generasi Berilmu. Dewan Tamadun Islam. *Dewan Bahasa dan Pustaka* Bil. 10 2023, h. 16-19.

Raja Nor Ashikin Raja Ramli & Nor 'Adha Abd Hamid. 2014. Kelestarian wakaf dalam membangunkan institusi pendidikan: Kajian awal. Proceedings International Conference on Postgraduate Research, hlm. 454-465.

Abd. Shakor Borham & Siti Mashitoh Mahamood. 2013. Wakaf korporat Johor Corporation dan sumbangannya dalam memenuhi tanggungjawab sosial Islam di Malaysia: Satu tinjauan. *Journal of Techno Social* 5(2): 61-77.

Norizan Hassan, Aisyah Abdul Rahman & Zaleha Yazid. 2013. Pengurusan dan pembangunan wakaf pendidikan: Kajian kes di Selangor, Malaysia. Prosiding 1st International Conference on Islamic Wealth Management (2013), hlm. 386-406.

Norazlinda Mohammad (2023). Bentuk Malaysia baharu dengan konsep Madani demi pembangunan holistik. Dlm. *Surat Pembaca, Dagang News*. 25 Januari 2023.

Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda, 2014). Pengurusan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia: Satu sorotan literatur. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 1(1): 45-57.

Fakhruddin Abdul Rahman dan Mohamad Salleh Abdullah (2008), "Pembangunan Harta Wakaf di Pulau Pinang", Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf" pada 18-19 Oktober 2008, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bil. 6, h.113-132

Utusan Malaysia. Diakses daripada: <https://www.utusan.com.my/rencana/2023/01/memahami-konsep-malaysia-madani/>

**Temu Bual**

Temu bual Tuan Haji Rosidi Hussain, Ketua Pegawai Eksekutif Wakaf Pulau Pinang, (WPP) pada 12 Mei 2023 bertempat di Seberang Jaya, Pulau Pinang jam 3.00 petang.